

08 FEB 1998

Mahathir-Iraq

MALAYSIA TENTANG PENGGUNAAN KEKERASAN UNTUK SELESAIKAN ISU IRAQ

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Malaysia menyeru supaya digunakan usaha diplomatik dalam menyelesaikan pertikaian di antara Amerika Syarikat dan Iraq mengenai isu pemeriksaan senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke atas Iraq.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berpendirian bahawa isu itu mesti diselesaikan menerusi rundingan dengan menggunakan saluran diplomatik.

"Kita menentang penggunaan senjata untuk memaksa sesebuah negara supaya tunduk," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Ehsan Wanita, sebuah dana yang dianjurkan oleh Wanita Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau diminta mengulas mengenai pendirian Malaysia terhadap ancaman Amerika menggunakan kuasa ketenteraan ke atas Iraq jika usaha diplomatik gagal untuk membuatnya membenarkan para pemeriksa senjata PBB memasuki semua tapak yang disyaki menempatkan senjata pemusnah di negara itu.

Menjawab satu lagi soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia juga menentang penggunaan senjata pemusnah.

"Terdapat negara-negara lain yang memiliki senjata pemusnah, ia juga mesti dimusnahkan," kata beliau.

Malaysia berpendapat bahawa senjata konvensional juga mesti dihapuskan, kata beliau.

Senjata sedemikian sentiasa dipertingkatkan, yang menjadikannya lebih canggih dan mahal, kata Dr Mahathir.

"Ia adalah pembaziran, wang yang digunakan untuknya lebih baik digunakan untuk membantu golongan miskin," kata beliau.

"Sebaliknya mereka menjadikan golongan miskin semakin miskin," kata beliau. -- BERNAMA

AZZ MZ AKD